



# RMHC serah bilik sensori kanak-kanak istimewa

## Kemudahan bantu rangsang deria pelajar kurang upaya

### KORPORAT & KOMUNITI

Oleh Azida Shahrudin  
azida@bharian.com.my

**J**OHOR BAHRU: Pembukaan Bilik Sensori Ronald McDonald di premis Persatuan Kanak-kanak Spastik Johor Bahru (PKSJB) memberi semangat baru kepada 140 murid ke sekolah bagi menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Persatuan Kebajikan Ronald McDonald (RMHC).

Bilik sensori bernilai RM80,000 itu membantu merangsang deria dan mewujudkan perasaan tenang serta selesa kepada kanak-kanak istimewa menerusi Sistem Rangsangan Pelbagai Deria, dikenali 'Snoezelen' dari United Kingdom.

Menerusi rangsangan empat deria utama termasuk deria lihat, bau, sentuh dan dengar, kajian mendapati penggunaan

kerap kemudahan itu boleh membantu perkembangan minda dan fizikal kanak-kanak istimewa dengan memberi ketenangan, memperbaiki kadar tumpuan dan membantu mengurangkan hiperaktif, selain meningkatkan minat belajar mereka.

Malah, ia juga boleh dijadikan alat pengajaran tambahan oleh guru dan pakar terapi untuk meningkatkan keupayaan deria kanak-kanak istimewa terbabit.

Pembukaan bilik sensori berkenaan dirasmikan isteri Sultan Johor, Raja Zarith Sofiah, yang turut menyatakan penghargaan kepada RMHC kerana memilih PKSJB sebagai penerima kelapan kemudahan itu di negara ini.

Pengerusi PKS Johor, Tunku Yan Nazihah Tunku Laksamana Nasir, berkata kemudahan bilik itu menarik dan memberikan suasana menenangkan kepada kanak-kanak istimewa.

"Untaian gentian optik ber-

*Untaian gentian optik bersalut vinil boleh berubah warna dikatakan membantu melegakan otot tegang yang mempunyai 'cerebral palsy', malah dinding bilik diterangi lampu berwarna-warni dengan paparan gambar bergerak, bau-bauan lembut serta alunan muzik*

**Tunku Yan Nazihah Tunku Laksamana Nasir**  
Pengerusi PKS Johor

salut vinil yang boleh berubah warna dikatakan boleh membantu melegakan otot tegang kanak-kanak yang mempunyai 'cerebral palsy', malah dinding bilik diterangi lampu berwarna-warni dengan paparan gambar bergerak, bau-bauan yang lembut serta alunan muzik yang menenangkan dapat dirasakan dalam bilik ini," katanya.

Presiden RMHC, Chan Chee Hin, berkata pihaknya menerima banyak maklum balas positif daripada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak istimewa yang menggunakan bilik sensori berkenaan di beberapa pusat penjagaan lain.

Sehubungan itu, katanya, RMHC Malaysia menjemput sekolah atau pusat pendidikan khas kanak-kanak istimewa untuk mendapatkan kemudahan bilik sensori Ronald McDonald tajaan RMHC dengan menghubungi talian 03-78433388 sambungan 3230 atau 012-3657324.



**RAJA ZARITH SOFIAH** bersama kanak-kanak spastik mencuba peralatan dibilik sensori.



ZULKARNAIN AHMAD TALUDDINI | BERITA HARIAN